

Hindari pembaziran – Abdullah

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 13 April – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta rakyat mengubah sikap dalam urusan perbelanjaan keperluan harian selain menghindari daripada perbuatan membazir.

Beliau berkata, rakyat juga perlu bijak merancang perbelanjaan keluarga, termasuk perbelanjaan dapur, serta berhemah ketika menggunakan barangan keperluan yang dibeli agar tidak perlu membelinya selalu.

Beliau yang jelas kecewa dengan sikap itu berkata, beberapa pembaziran berlaku di depan matanya seperti bilangan lauk-pauk yang terlalu banyak di majlis kenduri kendara, minuman, penggunaan berlebihan bekalan elektrik dan bekalan air.

“Tiap-tiap kali saya pergi kenduri, saya sedih, yang dihidang banyak, yang dimakan sikit, baki makanan itu tentu dibuang kerana ia sisa orang,” katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan Pelancaran Kempen Belanja Bijak dan Laporan Pengguna dan Peniaga di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Sehubungan itu, Abdullah menasihatkan supaya segala urusan kenduri-

Saya sedih tiap kali saya pergi kenduri, hidangan banyak tetapi dimakan sikit, baki makanan dibuang kerana ia sisa orang

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

kendara mestilah dilakukan secara berhemat dengan perancangan yang baik.

“Masa kenduri, kalau kita masak sikit, takut orang kata kita kedekut, kita tak nak malu. Kita masak lebih supaya orang yang datang dapat makan, tapi sebaliknya jadi pembaziran.

“Penggunaan minyak masak pun sama, minyak masak mahal tapi bila buat kari, minyak tebal sampai setengah inci. Gula pun sama, air yang sangat manis tidak baik untuk kesihatan.

“Sekarang gula dah susah nak dapat, tapi kita kesian, jadi tak payah naik harga gulalah. Makanan pun manis, kalau tak manis nanti orang kata kedekut pula,” kata Abdullah.

Perdana Menteri turut menegur kaki-tangan kerajaan yang mendapat kemudahan bekalan air dan elektrik secara percuma supaya berjimat cermat.

Sebagai contoh, beliau menyaksikan sendiri rumah kakitangan kerajaan yang membiarkan lampu menyala tengah malam.

“Tetapi bila dah pencen, kena bayar semua bil api, bil air barulah dia tahu rasa peritnya,” tambah beliau.

Pada sidang akhbar, Abdullah meminta agensi pelaksanaan kempen jimat cermat supaya terlebih dahulu mengamalkan sikap itu sebelum meminta masyarakat mengikutnya.

“Patutnya mereka yang mengendalikan kempen ini melalui jentera yang telah disusun atur, menunjukkan tauladan pandai berjimat, belanja dengan berhemat barulah kempen menjadi berkesan.

“Mereka perlu mengambil perhatian terhadap harga barang, memastikan kedai-kedai mempunyai tanda harga barang dan dengan itu barulah kita dapat lihat kejayaan, bukan nak berkempen sahaja,” katanya.

Menjawab soalan mengenai penggunaan kad kredit di negara ini yang menyebabkan ramai rakyat muflis, beliau berkata, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan peraturan mengennainya.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie Apdal dan Timbalannya, Datuk S. Veerasingam serta Yang Dipertua Puspanita Kebangsaan, Puan Sri Suslita Abdul Majid.



ABDULLAH Ahmad Badawi melancarkan Kempen Belanja Bijak dan Laporan Pengguna dan Peniaga sambil diperhatikan oleh Mohd. Shafie Apdal di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam.